

## Meneroka Intervensi Kaunselor Dalam Menangani Masalah Pelajar Ponteng Sekolah

*Exploring the Counsellors' Intervention in Handling Truancy Issues in School*

Nursabihah Roslan\*, Nurul Ain Mohd Daud

Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

\*Corresponding author: [iamnursabihah@gmail.com](mailto:iamnursabihah@gmail.com)

**Published:** 30 June 2021

**To cite this article (APA):** Roslan, N., & Mohd Daud, N. A. (2021). Exploring the Counsellors' Intervention in Handling Truancy Issues in School. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(1), 70-77. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.8.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.8.2021>

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka strategi intervensi yang digunakan oleh kaunselor dalam menangani masalah ponteng sekolah, mengenalpasti cara intervensi tersebut dilaksanakan, dan pengaruh intervensi tersebut dalam menangani masalah ponteng sekolah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes ke atas tiga orang kaunselor sekolah menengah di negeri yang berbeza iaitu Pahang, Perak dan Perlis. Kajian ini menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan data. Peserta kajian dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan ke atas kaunselor sekolah yang telah berkhidmat selama 10 tahun ke atas dan pernah mengendalikan isu ponteng sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat tema yang berhasil untuk menjawab objektif kajian termasuklah melaksanakan aktiviti khusus kepada pelajar ponteng. Kaunselor turut melaksanakan intervensi berkaitan hala tuju pelajar dan intervensi berbentuk pembinaan hubungan yang baik dengan semua pihak yang berkepentingan dengan pelajar. Akhir sekali, kaunselor dan pelajar juga melakukan perubahan ke arah yang lebih baik. Kajian ini memberi implikasi terhadap pelaksanaan intervensi ponteng sekolah yang dapat dijadikan panduan oleh kaunselor.

**Kata kunci:** Intervensi, Kaunselor, Ponteng sekolah, Pelajar, Program

### ABSTRACT

*This study aims to investigate the intervention strategies that can be used by counselors in handling truancy issues in school, identify how to run the intervention, and find out the effectiveness of the intervention strategies used. This study employed a qualitative method using case study on three counselors from different states; Pahang, Perak and Perlis. This study used interview technique as the data collection. The participants was chosen based on the purposive sampling who has been served for 10 years and above and handling any truancy issues. The findings of this study shows that there were four themes that answering the objectives, including performing specific activities to student. Counselors also implement interventions related to student directions and intervention in the form of building good relationships with all stakeholders with student. Finally, counselors and students can also make changes for the better. This study give implication to implemented the intervention of truancy that can be used as a guide by counselors.*

**Keywords:** Intervention, Counselors, Truancy, Students, Programme

### PENGENALAN

Isu ponteng sekolah merupakan salah satu masalah salah laku disiplin pelajar. Menurut Azman Khoong, Mohd Saufuddin Mohamed dan Syafika Nazeera Sapii (2016) masalah ponteng ini berlaku dalam semua peringkat pengajian termasuklah peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi. Berdasarkan statistik salah laku disiplin pelajar sekolah pada tahun 2016 juga menunjukkan kebanyakannya terlibat dengan masalah tingkah laku disiplin dan ponteng sekolah.

Buktinya statistik kes salah laku disiplin sekolah adalah terdiri daripada 16,849 orang pelajar sekolah sekolah rendah dan seramai 95,046 adalah pelajar sekolah menengah. Hal ini menjadikan jumlah keseluruhan yang terlibat dengan masalah disiplin pelajar adalah seramai 111,895 orang (Noremy Md Akhir, Nur Syafawani Mat Deris & Mohammad Rahim Kamaluddin, 2019). Isu ponteng sekolah yang semakin meningkat ini menyebabkan ramai pihak berasa bimbang kerana remaja berisiko melibatkan diri dengan gejala lepak, dadah, pecah rumah, rokok, arak serta jenayah rogol dan bunuh.

Kaunselor sekolah merupakan antara pihak yang bertanggungjawab untuk mengadakan pelbagai program melibatkan kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa, masyarakat dan pihak berkuasa. Antara aktiviti yang boleh dilakukan bersama dengan mereka adalah bekerjasama menyebarkan maklumat menerusi saluran media massa untuk memberikan kesedaran tentang kesan ponteng sekolah, mengadakan perjumpaan dengan keluarga pelajar atau menjalankan sesi kaunseling keluarga terhadap keluarga pelajar tersebut. Oleh itu, peranan unit bimbingan dan kaunseling adalah penting bagi memastikan pelajar-pelajarnya berkembang dengan seimbang dan baik. Kaunselor perlu bijak menggunakan intervensi yang berkesan bagi mengelakkan masalah ini berlarutan. Intervensi tersebut mestilah mengubah dan membuka pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang yang bermasalah supaya mereka dapat menerokai, memulih dan mempertingkatkan keyakinan diri mereka (Ura Pin et.al., 2017). Pihak sekolah bersama unit bimbingan dan kaunseling perlu memainkan peranan dan bekerjasama melaksanakan intervensi yang boleh mengurangkan kadar peratusan masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka kaedah intervensi yang digunakan oleh kaunselor dalam menangani masalah ponteng sekolah, mengenalpasti cara intervensi tersebut dilaksanakan dan meneroka pengaruh intervensi tersebut dalam menangani masalah ponteng sekolah. Kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha membanteras gejala ponteng khususnya para kaunselor sekolah.

## **KAJIAN LITERATUR**

Terdapat beberapa literatur dijadikan sebagai asas dan panduan untuk menjalankan kajian ini. Isu ponteng ini bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi institusi pendidikan di negara-negara luar turut menghadapi isu ponteng. Pelbagai intervensi mahupun rawatan dari setiap negara dijalankan dengan kaedahnya yang tersendiri. Oleh itu terdapat pengkaji-pengkaji yang membuat kajian tentang masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah.

Kebanyakan pelajar bertindak ponteng sekolah disebabkan terpengaruh dengan pelbagai elemen. Antaranya faktor keluarga, pelajar, rakan sebaya, persekitaran sekolah dan faktor guru. Suleman, Hussain dan Kayani (2017) mendapati faktor penyumbang ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah juga adalah disebabkan oleh media elektronik. Justeru anak-anak perlu dikawal supaya tidak menggunakan peranti elektronik dengan terlalu kerap. Mereka seharusnya dide dahukan dengan persekitaran yang mesra terutama di sekolah dan di rumah.

Setiap sekolah menjalankan pelbagai intervensi untuk meningkatkan kehadiran pelajar ke sekolah. Simpsons (2020) mengkaji kesinambungan intervensi program ponteng di 36 buah daerah Virginia Barat dengan membandingkan kehadiran lima tahun yang lepas. Hasil temubual bersama pengarah bahagian kehadiran mendapati pihak sekolah menginginkan pelajar hadir ke sekolah namun sesetengah ibu bapa kurang bersetuju. Temubual tersebut mewujudkan tema pendekatan pelbagai disiplin, ganjaran, insentif dan program pemasaran untuk meningkatkan kehadiran, menggunakan autonomi sekolah untuk melaksanakan program dan berkomunikasi dengan keluarga pelajar. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan penglibatan pihak keluarga pelajar adalah sangat penting untuk membanteras ponteng sekolah. Siti Hajar Johari, Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim, Siti Nor Aisyah Akwan, Restu Nabila dan Jeffery Apdal (2019) menyatakan kaunselor berperanan menjalankan perkhidmatan kaunseling profesional dan program kaunseling yang bersesuaian dengan pelajar ponteng. Malah faktor persekitaran pelajar juga diambil kira untuk mengetahui masalah yang menjadi punca kepada ketidakhadiran mereka ke sekolah.

Pelaksanaan intervensi yang kreatif dan menarik oleh kaunselor sekolah dapat meningkatkan kehadiran pelajar. Menurut Jenny dan Che Nazrah Yusof (2016) intervensi kaedah token T-Trace menggunakan ‘*Talking Token Chips*’, ‘*Token Race Ranking*’ dan ‘*Token Target*’ ke atas kehadiran murid tahun 4 ke sekolah mampu meningkatkan kadar kehadiran murid yang terlibat ke sekolah. Namun kajian ini dicadangkan untuk ditambahbaik supaya mereka tidak bergantung kepada penggunaan token semata-mata untuk datang ke sekolah.

Kaedah lain yang boleh meningkatkan kehadiran pelajar adalah dengan menggunakan pendekatan lawatan ke rumah pelajar (McNulty, 2016). Kerjasama guru dan kakitangan akademik membuat perbincangan tentang amaran ponteng dengan keluarga pelajar dapat membantu mengurangkan masalah ponteng sekolah. Pihak sekolah juga mengambil inisiatif untuk menarik kehadiran pelajar melalui kerjasama dengan pihak polis dan mahkamah serta memotivasi pelajar dari segi tawaran kemahiran dan latihan (McNulty, 2016). Smith (2015) mendapati cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh ibubapa antaranya perbezaan persepsi ponteng, cabaran penyakit, kurangnya sokongan, dan kemampuan yang terhad untuk melibatkan diri dengan masalah sekolah merupakan antara cabaran dalam melaksanakan intervensi ponteng. Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu melibatkan ibu bapa dalam merancang intervensi mengurangkan ponteng sekolah kerana mereka menginginkan pendekatan sekolah berbeza dengan keluarga.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan penerangan dan pemahaman yang mendalam (Lichtman, 2010) tentang pengalaman kaunselor sekolah menggunakan intervensi kaunseling bagi mengatasi masalah ponteng sekolah. Reka bentuk kajian yang dipilih adalah kaedah kajian kes. Kajian ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat secara terus daripada peserta kajian yang merupakan kaunselor sekolah berkaitan dengan intervensi yang digunakan apabila berhadapan dengan pelajar ponteng. Pengkaji memilih pendekatan penyelidikan ini juga kerana ianya bersifat fleksibel dan boleh diubahsuai mengikut keadaan dan situasi. Kajian ini menggunakan kaedah temubual secara bersemuka menggunakan platform atas talian.

### Sampel Kajian

Pemilihan peserta kajian adalah melalui pendekatan persampelan bertujuan yang merupakan teknik untuk memilih subjek atau peserta berdasarkan pertimbangan iaitu peserta kajian dapat memberikan data yang diperlukan sepenuhnya. Pengkaji juga telah menetapkan dua kriteria iaitu peserta adalah kaunselor yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun dan pernah mengendalikan kes ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pengkaji telah memilih tiga orang kaunselor dari sekolah menengah yang berbeza.

### Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum meneruskan temubual ini pengkaji memohon kebenaran untuk menjalankan kajian ini daripada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pengkaji memohon surat kebenaran menjalankan kajian luar ini secara atas talian iaitu melalui Portal Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seterusnya pengkaji perlu menyediakan soalan protokol atau *protocol interview* untuk dijadikan rujukan dan panduan supaya temubual ini berjalan dengan lancar dan bertepatan dengan topik yang dibincangkan iaitu intervensi ponteng sekolah. Soalan protokol yang disediakan ini mengandungi 10 soalan dan disemak oleh pakar sebelum digunakan untuk menemubual peserta kajian. Pakar yang dimaksudkan adalah seorang pakar dalam bidang psikologi dan kaunseling dan pakar penyelidikan kualitatif. Soalan protokol yang dihasilkan telah disahkan dan didapati dapat menjawab objektif dan persoalan kajian.

Setelah itu pengkaji dan peserta berbincang dan bersetuju menggunakan platform *google meeting* untuk menjalankan temubual disebabkan oleh jarak jauh antara peserta kajian dan penemubual. Pengkaji telah memilih peserta kajian daripada golongan wanita yang telah lama berkhidmat di sekolah. Pemilihan ini adalah disebabkan kaunselor wanita telah lama berkhidmat

berbanding kaunselor lelaki di sekolah tersebut. Pengalaman yang banyak dalam mengendalikan isu ponteng membantu pengkaji meneroka intervensi yang digunakan oleh kaunselor untuk mengurangkan kadar ponteng sekolah.

### Kaedah Analisis Data

Data-data yang telah dikumpul ini dianalisis menggunakan kaedah analisis *thematic*. Seterusnya setelah data-data daripada temubual tersebut ditranskripkan, pengkaji membina kod-kod tertentu. Pengkaji memilih menggunakan kaedah manual untuk menganalisis data. Temubual yang dijalankan ini ditranskrip dan dibaca berulang kali untuk memahami secara mendalam sebelum pengkaji mengekod data tersebut. Pengkaji membina kod daripada transkrip temubual tersebut mengikut baris ayat. Namun bagi memastikan pengkaji tidak salah dalam membuat analisis dan tafsiran, pengkaji meminta bantuan daripada dua orang rakan untuk turut membantu dalam proses mengekod.

Proses pengekodan yang telah selesai dilakukan akan dilaksanakan pengkelasan berdasarkan kategori dan tema. Bagi mendapatkan tema-tema yang bersesuaian, pengkaji membuat *consensus coding* daripada data-data tersebut. Hasilnya mendapat terdapat empat tema dan lima kategori yang dikumpul melalui data temubual tersebut. Tema yang berhasil adalah tema aktiviti khusus kepada pelajar ponteng, intervensi berkaitan hala tuju pelajar, intervensi berbentuk pembinaan hubungan yang baik dengan semua pihak yang berkepentingan dengan pelajar serta kaunselor dan pelajar dapat melakukan perubahan ke arah yang lebih baik.

Berdasarkan tema-tema tersebut pengkaji menghasilkan laporan analisis data temubual yang dijalankan. Proses ini memerlukan bantuan rakan-rakan untuk membantu dalam urusan mengekod data. Tujuannya adalah untuk memastikan pengkaji dapat membuat perbandingan dari segi penyampaian peserta kajian. Melalui bantuan mereka pengkaji dapat memahami fenomena kajian daripada persepsi dan sudut pandang peserta kajian bagi menghasilkan tema dan kategori untuk dibincangkan dalam laporan ini.

### DAPATAN KAJIAN

**Jadual 1.0 : Objektif Kajian Mengikut Tema dan Kategori**

Objektif Kajian	Kategori	Tema
1. Meneroka kaedah intervensi yang digunakan oleh kaunselor	Mengadakan program pengembangan potensi pelajar Melaksanakan pelbagai aktiviti	Aktiviti khusus kepada pelajar ponteng
2. Mengenalpasti bagaimana intervensi tersebut dilaksanakan	Kaunselor memberi pendedahan perancangan masa depan dan mengikuti perkembangan pelajar.  Menjalinkan hubungan dengan pihak kementerian, sekolah dan keluarga.	Intervensi berkaitan hala tuju pelajar.  Intervensi berbentuk pembinaan hubungan yang baik dengan semua pihak yang berkepentingan dengan pelajar.

3. Meneroka bagaimana pengaruh intervensi tersebut dalam menangani masalah ponteng sekolah	Merapatkan hubungan antara kaunselor dan pelajar. Pelajar menunjukkan perubahan yang positif.	Kaunselor dan pelajar dapat melakukan perubahan ke arah yang lebih baik.
--	---	--

### Dapatan Berdasarkan Objektif Kajian

#### a) Meneroka kaedah intervensi yang digunakan oleh kaunselor

Hasil analisis dapatan temubual menunjukkan peserta telah berkongsi tentang kaedah intervensi yang digunakan untuk menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar. Terdapat dua tema yang dikenalpasti iaitu pelaksanaan aktiviti khusus yang bersesuaian dengan perkembangan pelajar terutama yang terlibat dengan ponteng. Ini adalah kerana menurut peserta, setiap pelajar mempunyai latar belakang yang berbeza.

*“Berdasarkan kepada kelompok atau kategori pelajar ponteng, secara berkala.” (PA02)*

Antara program yang dijalankan ialah pengembangan potensi pelajar dimana kaunselor berperanan membantu perkembangan sahsiah diri murid. Kesedaran ini perlu dipupuk di sekolah pada peringkat awal supaya pelajar memahami tanggungjawab dan mengenali potensi yang dimiliki mereka dalam merancang masa depannya. Menurut peserta kajian, program pengembangan potensi pelajar merangkumi pendedahan kerjaya kepada pelajar yang tidak mempunyai minat belajar dan membantu mengenali potensi diri mereka.

*“Beri maklumat atau program tentang kerjaya khususnya kemahiran untuk pelajar yang kurang minat dalam akademik.” (PA03)*

Aktiviti khusus juga merujuk kepada program seperti ziarah cakna serta intervensi berdasarkan kategori pelajar.

*“...soal selidik dan ziarah cakna.” (PA01)*

#### b) Mengenalpasti bagaimana intervensi tersebut dilaksanakan

Hasil kajian menunjukkan intervensi tersebut dilaksanakan berdasarkan dua tema berikut:

- 1) Pendedahan intervensi berkaitan hala tuju pelajar.
- 2) Intervensi berbentuk pembinaan hubungan yang baik dengan semua pihak yang berkepentingan dengan pelajar.

Intervensi pendedahan hala tuju pelajar ini dapat dilakukan dengan meneroka matlamat pelajar dan mendedahkan pelajar tentang perancangan masa depan. Pelaksanaan ini penting supaya pelajar mempunyai matlamat yang mendorong diri mereka untuk mencapainya dan proses ini dibimbing oleh kaunselor sekolah.

*“Menyelami apa yang dihadapi oleh pelajar dan apa yang diingini dalam kehidupan pelajar tersebut.” (PA03)*

Tema seterusnya adalah kaunselor membina hubungan yang baik dengan semua pihak yang berkepentingan dengan pelajar. Menurut peserta, kaunselor di sekolah boleh mengurangkan kadar ponteng dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya mewujudkan komunikasi dengan pihak keluarga dan sekolah, menjalankan hubungan baik dengan keluarga, mempunyai jaringan dengan institusi sekolah dan keluarga serta mewujudkan jaringan dengan pihak kementerian. Contohnya Program Ziarah Cakna iaitu pihak sekolah menziarahi rumah pelajar bagi bertanyakan khabar dan berkongsi perkembangan pelajar di sekolah. Pihak sekolah juga dapat mengenali latar belakang keluarga pelajar dan menggalakkan kerjasama untuk membantu pelajar daripada terjebak dengan masalah ponteng.

*“Memberi kesan yang baik, dan hubungan dengan ibu bapa menjadi lebih jelek, GBK lebih mendekati dan mengetahui latar belakang pelajar dengan mendalam” (PA02)*

Pertemuan bersemuka dengan pelajar sekolah juga didapati dapat memudahkan intervensi ini dijalankan. Menurut peserta kajian, kaedah ini dilaksanakan dengan mengambil maklumat secara terus daripada pelajar, membahagikan pelajar mengikut kelompok, mengetahui latar belakang keluarga pelajar, meneroka masa depan pelajar dan mengenalpasti isu yang menyebabkan masalah ponteng.

*“Melalui pertemuan” (PA01)*

Selain itu, tindakan lanjutan juga dijalankan oleh kaunselor yang merujuk kepada peranan kaunselor mewujudkan suasana yang selesa dan kondusif, mempelbagaikan kaedah pengajaran yang menarik dan membantu pelajar mewujudkan kehidupan yang stabil.

*“...setelah murid hadir, disusuli dengan sesi kaunseling dan follow up oleh GBK.” (PA02)*

**c) Meneroka bagaimana pengaruh intervensi tersebut dalam menangani masalah ponteng sekolah**

Hasil dapatan kajian menunjukkan intervensi yang dilaksanakan oleh kaunselor ini mempunyai pengaruh yang positif dalam menangani masalah ponteng sekolah. Menurut peserta kajian pendekatan merapatkan hubungan antara kaunselor dan pelajar bukan sahaja memfokuskan kepada pelajar ponteng tetapi turut melibatkan pelajar lain. Hal ini membantu mewujudkan sekolah yang mempunyai pelajar yang berdisiplin dan sentiasa melakukan perubahan ke arah yang lebih baik. Hubungan yang rapat ini juga membolehkan kaunselor memahami diri pelajar. Apabila kaunselor mempunyai maklumat tentang diri pelajar, kaunselor dapat memberi tumpuan terhadap perkembangan kendiri pelajar.

Peserta kajian menyatakan intervensi yang dilaksanakan menunjukkan perubahan yang positif. Pelajar menunjukkan reaksi penerimaan yang positif dengan peningkatan jumlah kehadiran dan berlaku perubahan yang positif. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti khusus berkaitan pengembangan pelajar mampu menjadikan pelajar mempunyai kendiri yang positif.

*“Pelajar menunjukkan perkembangan yang baik dengan hadir ke sekolah.” (PA01)*

*“Pelajar berasa termotivasi untuk datang ke sekolah.” (PA03)*

## **PERBINCANGAN**

Hasil dapatan kajian menunjukkan kaedah intervensi yang dijalankan oleh kaunselor adalah mengadakan aktiviti khusus berkaitan perkembangan pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian oleh McNulty (2016) yang menyatakan motivasi pelajar untuk datang ke sekolah meningkat apabila kaunselor menggunakan pendekatan program kemahiran dan latihan. Hal ini dapat membantu pelajar merancang masa depan dengan menyediakan tawaran program kemahiran dan latihan.

Dapatan kajian juga menunjukkan kaunselor menumpukan intervensi berkaitan hala tuju pelajar dan pembinaan hubungan yang baik dengan semua pihak yang berkepentingan dengan pelajar. Hal ini disokong oleh Simpson (2020) yang bersetuju bahawa setiap program dapat berjalan dengan lancar apabila bekerjasama dengan pihak sekolah dan keluarga pelajar. Simpsons (2020) menyatakan bahawa keberkesanan program adalah bergantung kepada kerjasama pihak sekolah dan ibu bapa. Smith (2015), mendapati bahawa ibu bapa ingin melibatkan diri dengan pihak sekolah dan menginginkan pendekatan yang digunakan di sekolah adalah berbeza dari rumah. McNulty (2016) turut menyokong pendekatan rumah pelajar yang dapat mengurangkan isu ponteng seperti program ziarah cakna yang melibatkan kunjungan ke rumah ibu bapa pelajar. McNulty (2016) yang menggunakan pendekatan rumah pelajar juga menunjukkan kemampuannya dalam mengurangkan isu ponteng dan memberi kesan positif dari segi kehadiran pelajar ke sekolah.

### **Implikasi Kajian**

Pengkaji mendapati bahawa implikasi daripada hasil kajian ini dapat membantu perkhidmatan unit bimbingan dan kaunseling di sekolah. Kebanyakan sekolah mempunyai jumlah kaunselor yang terhad bergantung kepada nisbah pelajar. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), nisbah seorang guru kaunseling di sekolah menengah adalah 1:500 pelajar sekolah. Jumlah ini masih kurang mencukupi memandangkan kaunselor berhadapan dengan generasi Z yang lebih mencabar. Menurut Caraka Putra Bhakti dan Nindiya Eka Safitri (2017) generasi Z adalah generasi yang dipengaruhi oleh teknologi dan ini mempengaruhi gaya hidup, sikap, tingkah laku dan kognitif. Justeru kaunselor perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk berhadapan dengan masalah yang berlaku terutama isu ponteng sekolah. Dapatan ini diharapkan dapat menambahkan pengetahuan kaunselor sekolah tentang pelaksanaan intervensi yang bersesuaian. Kaunselor sekolah perlu mengumpul maklumat pelajar ponteng dan membuat tindakan lanjutan terhadap pelajar ponteng. Walaupun setiap kaunselor mempunyai pendekatan yang berbeza namun dengan adanya kajian ini mereka boleh mempelajari pendekatan atau intervensi lain yang boleh digunakan di sekolah mereka.

Dapatan kajian ini juga dapat memberi informasi dan maklumat mengenai pelaksanaan intervensi di sekolah kepada pihak KPM. Hasil temubual mendapati bahawa pihak sekolah terutama kaunselor sekolah memandang serius terhadap masalah ponteng dan menjalankan pelbagai intervensi supaya menggalakkan kehadiran pelajar ke sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa tanggungjawab kaunselor sekolah adalah menyeluruh dan bukan sahaja menjalankan sesi tetapi turut melibatkan pelbagai program serta menjalankan tugas pengurusan dan pentadbiran di sekolah. Malah misi dan hasrat KPM khususnya bahagian Psikologi dan Kaunseling dapat dicapai iaitu memperkembangkan potensi yang ada pada diri pelajar untuk terus berjaya. Hal ini kerana intervensi kaunselor melalui pelaksanaan aktiviti khusus berkaitan perkembangan pelajar seperti program pendedahan kerjaya, bimbingan melalui hala tuju masa depan pelajar, pelaksanaan sesi kaunseling, kerjasama pihak sekolah dengan keluarga, komuniti dan sebagainya mampu membendung masalah ponteng sekolah.

Selain itu hasil kajian ini turut memberi implikasi terhadap pengkaji seterusnya. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kaunselor sekolah memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan sesuatu intervensi yang bersesuaian dengan diri pelajar. Dalam kajian ini intervensi yang dilaksanakan adalah melibatkan aktiviti khusus berkaitan perkembangan diri yang dapat memberi pengaruh positif kepada diri pelajar. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat menambahkan pengetahuan dan memberikan idea kepada pengkaji-pengkaji seterusnya untuk diguna dan ditambahbaik. Justeru diharap agar pengkaji seterusnya dapat menjalankan kajian yang lebih spesifik dan mendalam mengenai permasalahan ponteng mahupun intervensi yang dapat menangani isu ponteng dalam kalangan pelajar sekolah.

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan intervensi yang bersesuaian dengan potensi pelajar adalah penting bagi mengurangkan isu ponteng sekolah. Selain itu pembinaan hubungan yang baik dengan semua pihak sekolah yang berkepentingan dengan pelajar adalah merupakan intervensi yang

signifikan untuk menyumbang kepada perubahan positif dalam kalangan pelajar. Oleh itu melalui kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi implikasi yang positif terhadap semua pihak khususnya unit bimbingan dan kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia serta pengkaji-pengkaji seterusnya. Pengkaji juga berharap kajian ini dijadikan rujukan kepada pengkaji yang ingin menyelidik tentang intervensi ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.

## **RUJUKAN**

- Abdul Malek Abdul Rahman. (2007). The Effectiveness of Cognitive Behaviour Group Counselling on Bullies Amongst The Secondary Schoool Students in Malaysia. *Jurnal Pendidikan BITARA UPSI*. Vol. 1, 17-28.
- Azman Khoong, Mohd Saufuddin Mohamed, Syafika Nazeera Sapii. (2016). Masalah Ponteng Kuliah dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau. *Seminar Psikologi Kebangsaan*. Fakulti Psikologi dan Pendidikan. 327-335.
- Caraka Putra Bhakti & Nindiya Eka Safitri. (2017). Peran Bimbingan Dan Konseling Untuk Menghadapi Generasi Z Dalam Perspektif Bimbingan Dan Konseling Perkembangan. *Jurnal Konseling GUSJIGANG*, 3(1) 104-113.
- Faizura Rohaizad, Rusnani Abdul Kadir & Rahimah Ibrahim. (2014). Hubungan Antara Stigma Kendiri Terhadap Sikap untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling. *Jurnal Pendidikan BITARA UPSI*. Vol. 7, 106-113.
- Jenny Michael Jemat & Che Nazrah Yusof. (2016). T-Trace: Meningkatkan Kehadiran Ke Sekolah Dalam Kalangan Murid Tahun 4. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 167-176.
- Lichtman, M. (2010) Qualitative Research in Education: A User's Guide. 2nd Edition, Sage, California.
- McNulty, P.E. (2016). Combating School Truancy: Current Practices and Recommendations for Improvement. *Ph.D Dissertation*. National Louis University.
- Noremy Md Akhir, Nur Syafawani Mat Deris & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Tingkah Laku Remaja Ponteng Sekolah. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 50-67.
- Simpsons, S.B. (2020). A Review of Truancy Programs at The Elementary Level In West Virginia: Perceptions of Attendance Directors on The Effectiveness Of Strategies to Improve Student Attendance. *Ph.D Dissertation*. Marshall University.
- Siti Hajar Johari, Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim, Siti Nor Aisyah Akhwan, Restu Nabila & Jeffery Apdal. (2019). Peranan Kaunselor dalam Menangani Masalah Ponteng Sekolah. *International Journal of Supply Chain, Operation Management and Logistic*, 1(1).
- Smith. K.E. (2015). Critical Reflections: Interviews with Parents Regarding Truancy. *Ph. D Dissertation*. The University of San Francisco.
- Suleman, Q., Hussaun, I., & Kayani, A.I. (2017). Factors Contributing to Truancy Among Secondary School Students in Karak District, Pakistan. *Journal of Education and Practise*. 8(25), 65-74.
- Ura Pin, Wan Raisuha Wan Ali, Azlina Osman, Salmah Mohd Salleh, Ihsan Ismail, Sheela Nair, et.al. (2017). Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Unit pembangunan dan pembudayaan penyelidikan sektor penyelidikan dan penilaian, BPPDP.
- Yusi Riksa Yustiana, Aas Saomah & Suherman. (2017). Competence of Guidance and Counseling Teacher in Developing Helping Relationship with Student. *Jurnal Pendidikan BITARA UPSI*. Vol. 10, 16-24.